

19/06/2000

Pelaksanaan projek harus seimbang, ikut keperluan

Kulintangan

KEPESATAN pembangunan yang dinikmati oleh negara kini bukanlah sesuatu yang datang bergolek melainkan dari anugerah ilahi dan hasil kegigihan pemimpin dan kerajaan. Meskipun dilanda masalah kegawatan ekonomi lewat 1997, negara masih mampu berdiri sendiri tanpa mendapatkan bantuan mana-mana badan kewangan antarabangsa. Lebih membanggakan lagi, negara mampu keluar daripada kepompong permasalahan ini. Syabas dan Tahniah! Malaysia Boleh!

Bagaimanapun pengumuman kerajaan untuk membina Jambatan Kedua Pulau Pinang baru-baru ini, pada awal tahun depan dengan kos RM2.1 bilion menyebabkan saya terpanggil untuk mengutarakan secalit pandangan sebagai anak Malaysia dari sebuah daerah pedalaman.

Pada pendapat saya meskipun ekonomi Malaysia kini berada pada landasan yang selesa, ini tidak bererti kerajaan harus melaksanakan sesuatu projek mega dengan cara terburu-buru.

Andai kata pembinaan Jambatan Pulau Pinang pertama mengambil masa yang lama untuk direalisasikan iaitu era zaman Tun Abdul Razak sehinggalah zaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru terlaksana, maka seharusnya perlaksanaan sesuatu projek besar dikaji sedalam-dalamnya, berdasarkan beberapa persoalan:-

\* Jambatan Pulau Pinang Kedua bukanlah sesuatu keperluan mendesak hanya kerana kesesakan lalu lintas oleh kerana terdapat alternatif lain seperti penggunaan feri.

\* Ekonomi negara diibaratkan seperti luka yang baru sembuh dan seharusnya peruntukan yang sebegini besar disalurkan untuk keperluan lain lebih utama seperti jalan raya dan sebagainya seperti kawasan luar bandar.

\* Jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung, Sabah masih terlalu ketinggalan dari segi infrastruktur seperti kemudahan jalan raya, seperti jambatan Labuan - Sabah yang pernah dicadangkan sebelum ini.

\* Mungkinkah terdapat sedikit faktor politik disebabkan Pulau Pinang pernah dijanjikan pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru?

\* Jika dibandingkan dengan Sabah, ibu negerinya sudah diisytihar sebagai sebuah bandar raya pada 2 Februari 2000. Adakah keterlaluan saya katakan jika ia patut diberi keutamaan untuk pelaksanaan projek mega seperti pembinaan Jambatan Labuan-Sabah. Adakah ia hanya tinggal cadangan semata-mata?

Sebagai kesimpulan, persoalannya adakah projek seperti itu satu keperluan yang amat mendesak atau disebabkan beberapa sebab lain sehinggakan ia harus dilaksanakan sedangkan masih banyak lagi cadangan projek lain yang masih menunggu kelulusannya.

Diharapkan apa juga pelaksanaan projek sama ada kecil atau besar haruslah seimbang dan sejajar dari segi keperluan dan tempat sesebuah projek itu akan dilaksanakan. Jangan hanya lebih tertumpu kepada beberapa kawasan tertentu saja kerana ia mungkin menyebabkan ketidakseimbangan dari segi pembangunan, pelancongan dan kepesatan antara negeri-negeri di negara ini.